03 MAY 1996
Salleh-Berhenti ''' '
SALLEH SERAH SURAT LETAK JAWATAN KEPADA PM

Oleh: Openg Onn Net

KOTA KINABALU, 3 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Salleh Said Keruak telah mengemukakan surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Surat tidak bertarikh itu diserahkan "beberapa ketika dahulu" dan sekarang terpulang kepada Dr Mahathir untuk menguatkuasakan tarikh perletakan jawatan itu dengan menghubungi Yang Dipertua Negeri, kata Salleh.

Salleh membuat pengumuman menggemparkan itu selepas beliau dan para pemimpin Barisan Nasional negeri mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini hari ini.

Salleh, yang juga Ketua Umno negeri, berkata semasa beliau menjawat Ketua Menteri Sabah pada Disember 1994, beliau berbuat demikian dengan syarat beliau akan melepaskan jawatan itu apabila Perdana Menteri memutuskan untuk melaksanakan janjinya menggilir jawatan Ketua Menteri kepada para pemimpin dua masyarakat utama negeri ini, iaitu Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Semasa ditanya sama ada dengan menyerahkan surat itu sebagai satu pra-syarat yang perlu dipatuhi, beliau menjawab:"Tidak."

"Saya berbuat demikian kerana semasa saya menerima jawatan tersebut, saya terikat dengan proses yang apabila penggiliran jawatan Ketua Menteri dilaksanakan, saya mesti meletak jawatan.

"Saya tidak mahu nanti ada tuduhan seolah-olah apabila kita sudah seronok dengan jawatan itu, kita mahu terus memegangnya. Saya tidaklah mahu demikian," kata Salleh.

Tempoh masa beliau memegang jawatan itu (di bawah sistem penggiliran yang dicadangkan) sepatutnya berakhir pada 17 Mac lepas. Bagaimanapun beliau diminta meneruskan tugasnya oleh Perdana Menteri sementara menunggu pindaan Perlembagaan Negeri yang dicadangkan bagi mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah terutamanya perkara berkaitan hutan dan tanah.

Pindaan itu dijadual dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri bulan lepas tetapi ditangguhkan ke bulan depan.

Ditanya mengenai keputusan Dr Mahathir untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri, beliau berkata: " Saya sentiasa konsisten dengan isu itu (kerana) selepas memberi mandat kepada Perdana Menteri untuk beliau membuat keputusan, saya terpaksa akur."

Beliau berkata, jawatan itu tidak penting tetapi apa yang penting ialah berkhidmat untuk negeri itu sedaya yang boleh.

Mengenai jawatannya sebagai pengerusi BN dan Ketua Perhubungan Umno Sabah, Salleh berkata beliau akan membiarkan perkara itu kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Ditanya mengenai rancangan masa depannya, beliau berkata sambil bergurau, "saya terpaksa mencari jawatan baru di tempat lain."

Dalam nada yang lebih serius lagi Salleh berkata beliau akan terus menjadi Anggota Parlimen Kota Belud, anggota Dewan Undangan Negeri bagi Usukan dan Ketua Umno Kota Belud.

Salleh berkata, beliau akan membiarkan anggota parti menentukan sama ada untuk bertanding bagi jawatan anggota majlis tertinggi Umno pada pemilihan parti Oktober ini.

"Apabila saya membuat keputusan untuk menawarkan diri bagi jawatan itu saya masih merupakan ketua perhubungan Umno Sabah," jelas beliau.

Umno Sabah baru-baru ini telah bersetuju memperakui Salleh dan Menteri

Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam yang merupakan Timbalan Ketua Umno Sabah sebagai calon rasmi untuk jawatan itu.

Mengenai perasaan anggota-anggota Umno terhadap isu penggiliran jawatan itu, Salleh berkata: "Jangan tanya perasaan kami. Bagi kami, kita menerima keputusan dengan hati yang terbuka." -- BERNAMA

OPP PR